

Laksana dua kawasan eksklusif larangan merokok Melaka negeri pertama



GINIE semasa melancarkan program Hari Bertemu Pelanggan JPN negeri.

JPN Melaka terima 14,699 daftar kelahiran

Oleh AZHAR YUSOF

AYER KEROH - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Melaka mencatatkan seramai 14,699 pendaftaran kelahiran sepanjang 2018.

Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan, Ginie Lim Siew Lin berkata, daripada jumlah itu, Pejabat JPN Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) mencatat jumlah terbanyak 4,631 kelahiran.

"JPN negeri mencatat jumlah pendaftaran kelahiran sebanyak 5,707, manakala JPN Daerah Alor Gajah seramai 1,227 kelahiran, JPN Daerah Jasin (1,065) dan JPN Cawangan Bandar Alor Gajah (870) kelahiran.

"Diikuti JPN Daerah Melaka Tengah (840), JPN Cawangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai (297), JPN Cawangan RTC Melaka (61) dan Balai Polis Merlimau (1)," katanya.

Ginie berkata demikian kepada media selepas merasmikan program Hari Bertemu Pelanggan di Ibu Pejabat JPN Negeri di sini, Rabu lepas yang turut dihadiri Pengarah JPN Negeri, Norazlee Sulaiman.

Mengulas program itu, Ginie berkata, program tersebut akan diadakan setiap Rabu minggu kedua setiap bulan sepanjang 2019.

"Antara lain program tersebut bertujuan memudahkan orang ramai berurusan dengan JPN mengenai permohonan pertukaran kad pengenalan lama kepada yang baharu, daftar perkahwinan, daftar kelahiran, kematian dan sebagainya.

"Pada masa sama, ia juga bagi menggalakkan orang ramai memperbaharui kad pengenalan anak-anak mereka yang telah berumur 12 tahun dan 18 tahun agar memudahkan mereka menjalani kehidupan selepas menamatkan alam persekolahan.

"Menerusi program ini, orang ramai terutama yang ada membuat permohonan anak angkat dapat memahami peraturan serta panduan disediakan JPN," ujarnya.

Ginie berkata, pihak JPN juga akan turun padang membuka kaunter bergerak di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) sekiranya diundang semasa berlangsungnya sebarang program dari semasa ke semasa.

Oleh LIANA SAHABUDIN

AYER KEROH - Dua lokasi di Bandar Hilir diwartakan sebagai kawasan eksklusif 100 peratus larangan merokok.

Exco Kesihatan dan Anti Dadah, Low Chee Leong berkata, dua kawasan diwartakan itu melibatkan Jalan Kota dan Jonker Walk.

Menurutnya, Melaka ialah negeri pertama melaksanakan inisiatif itu sejak 2011, namun masih tidak mendapat perhatian masyarakat.

"Di Melaka, kawasan larangan merokok ada lima, tetapi dua kawasan tersebut 100 peratus tidak boleh merokok sama ada dalam rumah atau di luar rumah.

"Contohnya, sekarang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mewartakan syarat merokok tiga meter dari premis makan dan minum, tetapi berbeza dengan dua kawasan tersebut," katanya kepada MelakaKini.

Katanya, walau ia sudah lama diwujudkan, namun masih ada

masyarakat berdegil melakukan kesalahan di kawasan yang diwartakan larangan merokok itu.

"Justeru, kita akan ambil inisiatif mengadakan kempen-kempen memberi kesedaran secara berkala di kawasan-kawasan tersebut.

"Bagaimanapun, tiga lagi kawasan Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR) ialah di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Bandar Jasin dan Bandar Alor Gajah," katanya.



CHEE Leong menunjukkan risalah bebas asap rokok di Jalan Hang Tuah, baru-baru ini.



JONKER Walk antara kawasan eksklusif 100 peratus larangan merokok.

LARANGAN MEROKOK DI TEMPAT MAKAN

setakat pukul 12 tengah hari, 2 Jan 2019

1,453

Amaran bertulis dikeluarkan

3,879

nasihat diberikan kepada individu

2,786

tempat makan termasuk yang beroperasi 24 jam telah dilawati

611

penguatkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terlibat

7,451

risalah diedarkan

28

panggilan telefon diterima KKM

JIKA GAGAL PATUHI

INDIVIDU

Denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun

PEMILIK PREMIS MAKANAN

Denda maksimum RM3,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan

Bagi kesalahan gagal menempam tanda larangan merokok

Denda maksimum RM5,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan

Bagi kesalahan gagal memastikan orang tidak merokok

Sumber: Kementerian Kesihatan / Infografik: MelakaKini